



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-198 BIL. 5/2026**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM MATA GANJARAN (ADAB POINT) BAGI
AKTIVITI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Adalah dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah mengeluarkan Pemakluman Pentadbiran dan Operasi Pengurusan Pelajar Kali Ke-194 Bil. 41/2025 berhubung pemberian Mata Ganjaran (ADAB Point) kepada mahasiswa yang terlibat dengan program atau aktiviti pelajar.
2. Sehubungan dengan itu, satu **Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Ganjaran (ADAB Point)** telah disediakan bagi menetapkan kriteria, kategori dan syarat pelaksanaan program atau aktiviti yang layak dipertimbangkan untuk pemberian ADAB Point. Penyediaan garis panduan ini bertujuan memastikan pelaksanaan sistem pengiktirafan tersebut dilaksanakan secara tersusun, telus dan berintegriti serta selaras dengan objektif pembangunan sahsiah dan jati diri pelajar UMPSA.
3. Walau bagaimanapun, kelulusan pemberian ADAB Point adalah tertakluk kepada proses penilaian dan semakan oleh pihak Akademi ADAB dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, garis panduan yang berkenaan disertakan bersama dan turut boleh dirujuk melalui pautan berikut :

<pautan GP>

4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan hadir secara terus ke Pejabat Akademi ADAB, melalui e-mel ke adab@umpsa.edu.my atau menghubungi kami di talian 09-431 5079.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Tarikh:**

08 Januari 2026



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

AKADEMI ADAB

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM ADAB POINT BAGI AKTIVITI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL- SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Edisi 2025

(Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Pelajar & Alumni Kali ke-61
Bilangan 6/2025)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM ADAB POINT BAGI AKTIVITI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 ADAB Point adalah sistem ganjaran berstruktur yang diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-250 Bilangan 4/2025 pada 14 Mei 2025.
- 1.2 Sistem ini diperkenalkan untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada pelajar atas penglibatan aktif mereka dalam aktiviti pelajar dan ko-kurikulum serta menilai penglibatan pelajar bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga kualiti, impak dan nilai pembangunan diri.
- 1.3 Sistem ini turut berfungsi sebagai instrumen pemantauan dan rujukan rasmi universiti termasuk urusan pemilihan penempatan Kolej Kediaman, pencalonan anugerah di peringkat Universiti / Kementerian serta program intervensi pembangunan pelajar.
- 1.4 Pelaksanaan ADAB Point bertujuan membudayakan penglibatan pelajar berasaskan nilai ADAB (*Aspire.Dynamic.Agile.Balanced*) selaras dengan aspirasi UMPSA melahirkan pelajar holistik, berintegriti dan memiliki jati diri kepimpinan unggul.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan menetapkan kriteria, kategori dan syarat pelaksanaan program atau aktiviti yang layak diberikan ADAB Point bagi memastikan pelaksanaan sistem pengiktirafan ini berlaku secara tersusun, adil dan berintegriti.
- 2.2 Garis panduan ini juga digubal bagi memastikan pemberian ADAB Point selaras dengan objektif pembangunan sahsiah dan jati diri pelajar UMPSA.
- 2.3 Garis panduan ini bertujuan memastikan konsistensi penilaian dan pengiktirafan ADAB Point serta memudahkan rujukan pihak Universiti, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Badan Persatuan Pelajar dalam pelaksanaan program / aktiviti

3.0 PRINSIP PELAKSANAAN ADAB POINT

Pelaksanaan ADAB Point hendaklah berpaksikan kepada prinsip berikut:

- a) **Kredibiliti** – Hanya aktiviti yang sah dan berdaftar melalui saluran rasmi universiti diiktiraf.
- b) **Kesesuaian** – Program hendaklah mempunyai nilai pembangunan pelajar yang merangkumi aspek pembangunan diri, akademik, kepimpinan, kesukarelawananan dan profesionalisme.
- c) **Impak** – Keberkesanan aktiviti diukur berdasarkan capaian, kelestarian dan kesan positif terhadap pelajar atau komuniti.
- d) **Ketelusan** – Semua penganugerahan mata mesti disokong oleh bukti penganjuran, kehadiran serta laporan rasmi.
- e) **Penjajaran Nilai ADAB** – Semua aktiviti yang diiktiraf hendaklah mencerminkan nilai *ASPIRE, DYNAMIC, AGILE, BALANCED* sebagai teras pembangunan pelajar UMPSA.

4.0 KATEGORI PROGRAM / AKTIVITI YANG LAYAK MEMOHON ADAB POINT

4.1 Program Diluluskan Majlis Teras Aktiviti Pelajar (MTAP)

- 4.1.1 Program berdaftar dalam sistem MyGading dan diluluskan oleh MTAP.
- 4.1.2 Merangkumi program yang dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian atau hibrid.
- 4.1.3 Skor penyertaan disarankan iaitu 0.5 mata bagi penyertaan dalam talian dan 1.0 mata bagi penyertaan bersemuka.

4.2 Program Rasmi Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) / UMPSA

- 4.2.1 Program rasmi di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau UMPSA.
- 4.2.2 Antara contoh program seperti *I-Future*, *Festival of IDEAS*, Hari Kualiti, Amanat Naib Canselor, Majlis Konvokesyen dan lain-lain program rasmi universiti.

4.3 Program Anjuran Jabatan / Fakulti / Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- 4.3.1 Program yang mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) atau Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 4.3.2 Diiktiraf oleh Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Dekan atau Pengarah sebagai sebahagian pembangunan pelajar atau profesionalisme fakulti.
- 4.3.3 Antara contoh program (berbentuk ilmiah) adalah seperti kolokium, konferen, wacana alumni / ilmiah, majlis apresiasi, mobiliti (*inbound / outbound*), khidmat komuniti (CSR).

4.4 Program Jemputan Luar / Program Berimpak Tinggi

- 4.4.1 Dihadiri atau dirasmikan oleh Pimpinan Negara / Negeri, Pengurusan Tertinggi Universiti, atau Tokoh Nasional / Antarabangsa.
- 4.4.2 Memberi impak langsung kepada komuniti, industri dan reputasi universiti.
- 4.4.3 Menyokong agenda kelestarian universiti seperti ESG, SDG, Nilai Teras UMPSA dan Nilai ADAB.
- 4.4.4 Mendapat liputan media atau pengiktirafan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
- 4.4.5 Melibatkan penyertaan pelajar antara institusi dalam dan luar negara.

4.5 Program Khusus / Pengantarabangsaan

- 4.5.1 Latihan kepimpinan atau pembangunan kemahiran intensif yang diluluskan oleh Universiti atau Kementerian.
- 4.5.2 Aktiviti pengantarabangsaan termasuk mobiliti, pertukaran pelajar atau misi sukarelawan yang disahkan oleh pihak Universiti atau Kementerian.
- 4.5.3 Memberi impak langsung kepada pembangunan diri, jaringan profesional dan pengalaman global pelajar.

4.6 Program Kompetitif dan Peranan Aktif Pelajar

- 4.6.1 Penyertaan dalam pertandingan di semua peringkat penganjuran (universiti, negeri, kebangsaan, antarabangsa) yang mendapat kelulusan PTJ atau pihak Universiti.
- 4.6.2 Jemputan sebagai penceramah, fasilitator, jurulatih atau mentor dalam program universiti / fakulti atau program di luar kampus (dibuktikan dengan dokumen sokongan)
- 4.6.3 Aktiviti yang memberi impak kepada kemahiran kepimpinan, komunikasi dan pembangunan profesional pelajar.

5.0 SYARAT MINIMA PENGANJURAN PROGRAM / AKTIVITI

Setiap program atau aktiviti mestilah memenuhi syarat minima berikut:

- a) Mendapat kelulusan rasmi oleh Akademi ADAB / kelulusan rasmi oleh pihak berkuasa di peringkat Pusat Tanggungjawab (Dekan/Pengarah/Pengetua Kolej Kediaman).
- b) Mempunyai objektif, atur cara, laporan dan senarai peserta yang lengkap.
- c) Penyertaan minimum 30 orang peserta.
- d) Dijalankan sekurang-kurangnya 2 jam (120 minit) untuk program bersemuka atau 1 jam (60 minit) bagi program dalam talian atau hibrid.
- e) Dianjurkan oleh Badan Persatuan Pelajar yang berdaftar di bawah Akademi ADAB.
- f) Merangkumi program sukarelawan anjuran PTJ, fakulti, universiti atau jemputan luar.

6.0 PROGRAM / AKTIVITI YANG TIDAK LAYAK DIBERIKAN ADAB POINT

Program atau aktiviti berikut tidak layak diberikan ADAB Point :

- a) Aktiviti bersifat sosial semata-mata tanpa objektif pembangunan pelajar.
- b) Program tidak berdaftar atau tidak diluluskan secara rasmi oleh mana-mana PTJ / MTAP.
- c) Penyertaan pasif tanpa bukti kehadiran atau laporan aktiviti. (Contoh: tayangan filem atau lawatan pameran yang tiada elemen pembelajaran / pembangunan pelajar).
- d) Aktiviti berulang tanpa elemen pembelajaran baharu seperti jamuan, makan malam atau *reunion*.
- e) Program luar universiti yang tidak disahkan oleh penasihat akademik atau HEPA atau Akademi ADAB.
- f) Program yang telah selesai dilaksanakan sebelum permohonan dikemukakan.

7.0 PENAFIAN / PERTIKAIAN

- 7.1 Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, kekeliruan atau perselisihan pendapat dalam pelaksanaan garis panduan ini, perkara tersebut hendaklah dirujuk dan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JKPHEPA).
- 7.2 Keputusan muktamad hendaklah dipersetujui dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).

8.0 KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa oleh pihak universiti.

9.0 LAMPIRAN

- 9.1** Lampiran A – Penjelasan bahagian di dalam ADAB Point
- 9.2** Lampiran B – Definisi bagi setiap bahagian ADAB Point
- 9.3** Lampiran C – Proses kerja permohonan ADAB Point
- 9.4** Lampiran D – Senarai program bagi permohonan ADAB Point

LAMPIRAN A

BAHAGIAN DI DALAM ADAB POINT

ADAB Point dibahagikan kepada dua bahagian iaitu **Bahagian A dan Bahagian B**. Untuk memastikan keseimbangan antara kuantiti dan kualiti penyertaan, setiap aktiviti akan dinilai berdasarkan peranan pelajar, dengan markah yang lebih tinggi diberikan kepada mereka yang memegang jawatan utama dalam organisasi atau penganjuran aktiviti. Sebagai contoh, peranan Fasilitator atau Jawatankuasa Utama akan mendapat markah yang lebih tinggi berbanding peserta biasa

Bahagian A: Penyertaan, Penganjuran dan Pencapaian

- a) Bahagian A melibatkan penyertaan (e.g. peserta, penganjur, atlet, fasilitator, dll) pelajar dalam aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Badan Persatuan Pelajar (BPP), Universiti atau luar Universiti. Jadual A1 – A5 menunjukkan mata nilai bagi bahagian A ini. Rujuk Lampiran 1 untuk definisi setiap item

Jadual A1. Penglibatan Pelajar

Penglibatan	Mata Nilai
i. Peserta	1
ii. Jawatankuasa	1.5
iii. Atlet / Peserta Pertandingan / persembahan	2
iv. Majlis Tertinggi	2.5
v. Fasilitator/Speaker	3

Nota :

Skor penyertaan disarankan iaitu 0.5 mata bagi penyertaan dalam talian dan 1.0 mata bagi penyertaan bersemuka

Jadual A2. Pencapaian Pelajar

Pencapaian	Mata Nilai
i. Peserta	1
ii. Hadiah Saguhati	1.5
iii. 3 Tertinggi	2
iv. Cemerlang	3

Jadual A3. Peringkat Penganjuran Aktiviti/Program

Peringkat Penganjuran	Mata Nilai
i. Kolej Kediaman/Badan Pelajar	1
ii. Fakulti/Pusat	2
iii. Universiti/Daerah	3
iv. Negeri/Wakil Daerah	4
v. Kebangsaan/Wakil Negeri	5
vi. Antarabangsa	6

Jadual A4. Prestasi

Prestasi	Mata Nilai
i. Rendah	0.5 (<60%)*
ii. Sederhana Baik	0.7 (60%)*
iii. Baik	0.8 (70%)*
iv. Cemerlang	1 (>80%)*

**berdasarkan feedback daripada peser*

Jadual A5. Jam Pembelajaran Pelajar (SLT)

SLT	Mata Nilai
i. Kurang 1 Hari (Kurang 8 Jam)	1
ii. 1 Hari (8 Jam)	1.5
iii. 2 - 3 Hari	2
iv. 4 - 7 Hari	2.5
v. Lebih 7 Hari	3

Bahagian B: Peranan/Jawatan dalam BPP

- a) Bahagian B melibatkan penglibatan pelajar dalam kepimpinan di dalam Badan Persatuan Pelajar (BPP). Jadual B1 – B3 menunjukkan mata nilai bagi bahagian B ini. Rujuk Lampiran 1 untuk definisi setiap item

Jadual B1. Peranan Pelajar dalam BPP

Peranan	Mata Nilai
i. Jawatankuasa Kelab/Persatuan	10
ii. Exco	15
iii. Presiden / Timbalan Presiden / Setiausaha / Bendahari	20

Jadual B2. Peringkat

Peringkat	Mata Nilai
i. Kelab/Persatuan	1
ii. Peka/Kolej Kediaman/PMLK	1
iii. MPP	2

Jadual B3. Prestasi

Prestasi	Mata Nilai
v. Rendah	0.5 (<60%)*
vi. Sederhana Baik	0.7 (60%)*
vii. Baik	0.8 (70%)*
viii. Cemerlang	1 (>80%)*

**berdasarkan feedback daripada peserta*

Pengiraan mata nilai bagi bahagian A dan bahagian B adalah seperti berikut:

Bahagian A: ((Penglibatan+SLT)prestasi)*(peringkat+pencapaian)

Bahagian B: (Peranan*peringkat*prestasi)

dan pengiraan ADAB Point Pelajar adalah dengan menggabungkan nilai dari Bahagian A dan Bahagian B.

LAMPIRAN B

DEFINISI BAHAGIAN A & BAHAGIAN B

BAHAGIAN A

a) Penglibatan

Jenis Penglibatan	Definisi
Peserta	Individu yang menghadiri atau menyertai aktiviti sahaja
Jawatankuasa	Individu yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan aktiviti tanpa memegang peranan kepimpinan utama.
Atlet / Peserta Pertandingan/ persembahan seni & warisan	Individu yang bertanding dalam sukan, debat, inovasi, atau akademik di peringkat rasmi yang memerlukan persediaan intensif.
Majlis Tertinggi (MT) Aktiviti	Individu yang memegang peranan kepimpinan utama dalam sesuatu aktiviti (iaitu: Pengarah Program, Timbalan Pengarah, setiausaha dan bendahari).
Fasilitator / penceramah	Individu yang menyampaikan ceramah, menjadi panel, atau mengendalikan sesi rasmi dalam aktiviti.

b) Pencapaian

Jenis Pencapaian	Definisi
Peserta	Penyertaan selain daripada peserta hadir sahaja diberikan mata nilai.
Hadiah Saguhati	Penghargaan yang diberikan kepada peserta sebagai pengiktirafan penyertaan tetapi tidak termasuk dalam kedudukan 3 terbaik.
3 Tertinggi	Pencapaian dalam kedudukan tiga terbaik dalam pertandingan atau aktiviti yang dinilai.
Cemerlang	Anugerah khas yang diberikan kepada individu atau kumpulan berdasarkan prestasi luar biasa dalam sesuatu aktiviti.

c) Penganjuran

Peringkat Pengajuran	Definisi	Syarat Minima Peserta
Kolej Kediaman	Aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan kolej kediaman, di mana peserta adalah penghuni kolej tersebut sahaja.	Minimum 30 peserta dari kolej tersebut.
Fakulti/Pusat	Aktiviti rasmi yang dianjurkan oleh fakulti atau pusat akademik dalam universiti, dengan penyertaan terhad kepada pelajar dan tenaga pengajar dalam fakulti/pusat itu.	Minimum 30 peserta dari 3 fakulti atau pusat yang berbeza dalam universiti yang sama.
Universiti/Daerah	Aktiviti yang dianjurkan di peringkat universiti atau daerah, melibatkan penyertaan dari pelbagai fakulti atau program dalam satu universiti atau antara universiti di kawasan tersebut.	Minimum 5 peserta dari 2 fakulti atau 2 universiti berbeza
Negeri/Wakil Daerah	Aktiviti yang melibatkan penyertaan dari pelbagai daerah atau negeri, dengan peserta mewakili institusi yang berbeza dalam negeri yang sama.	Minimum 5 peserta dari 3 universiti atau institusi dari daerah/negeri yang berbeza.

Kebangsaan/Wakil Negeri	Aktiviti di peringkat kebangsaan yang melibatkan penyertaan rasmi dari pelbagai negeri, di mana peserta mewakili institusi masing-masing di seluruh negara.	Minimum 5 peserta dari pelbagai negeri, dengan wakil dari sekurang-kurangnya 5 universiti atau institusi dari negeri yang berbeza.
Antarabangsa	Aktiviti yang melibatkan penyertaan dari pelbagai negara, di mana peserta merupakan wakil rasmi institusi atau universiti dari negara masing-masing.	Minimum 3 negara mengambil bahagian, dengan setiap negara dihantar wakil sekurang-kurangnya 1 peserta

d) Prestasi

Kategori Prestasi	Definisi (Berdasarkan Pelaksanaan Aktiviti)
Rendah	Penilaian menunjukkan pelaksanaan yang kurang memuaskan. Acara atau penyertaan hanya memenuhi syarat minimum tanpa impak yang signifikan, contohnya acara dengan kehadiran minimum atau persembahan yang lemah.
Sederhana	Menunjukkan prestasi asas yang sederhana. Pelaksanaan aktiviti menunjukkan usaha dan komitmen, namun belum mencapai tahap inovasi atau impak yang besar. Contoh: penyertaan dalam sukan atau debat dengan komitmen asas tetapi kurang menonjol dari segi kreativiti.
Baik	Menunjukkan prestasi yang memuaskan dengan pelaksanaan yang lancar dan konsisten. Acara, persembahan kebudayaan, atau penyertaan debat memberikan impak positif dan kualiti yang baik dalam pengurusan dan penyampaian.
Cemerlang	Menunjukkan kecemerlangan dalam pelaksanaan aktiviti. Acara, penyertaan sukan, persembahan kebudayaan, atau debat mencapai tahap yang melebihi jangkaan melalui inovasi, impak yang tinggi, dan mendapat pengiktirafan jelas daripada peserta atau juri.

e) Jam Pembelajaran Pelajar (SLT – Student Learning Time)

Item	Definisi
Kurang 1 Hari (Kurang 8 Jam)	Aktiviti pendek yang mengambil masa kurang daripada satu hari.
1 Hari (8 Jam)	Aktiviti yang berlangsung selama sehari penuh atau sekurang-kurangnya 8 jam.
2 - 3 Hari	Aktiviti yang berlangsung antara 2 hingga 3 hari.
4 - 7 Hari	Aktiviti yang berlangsung antara 4 hingga 7 hari.
Lebih 7 Hari	Aktiviti yang berlangsung lebih daripada seminggu.

BAHAGIAN B

a) Pemberat Markah untuk Peranan dalam Kelab/Persatuan/MPP

Jawatan	Definisi
Jawatankuasa Kelab/Persatuan	Ahli yang membantu Exco dalam menjalankan tugas biro/unit, tanpa kuasa eksekutif penuh, serta bertanggungjawab dalam tugas teknikal atau pelaksanaan program.
Exco	Ahli eksekutif tertinggi dalam biro/unit kelab yang mengetuai unit tertentu serta bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan aktiviti.
Presiden / Timbalan Presiden / Setiausaha / Bendahari	Majlis Tertinggi yang mengurus organisasi secara keseluruhan, membuat keputusan utama, dan bertanggungjawab terhadap kejayaan organisasi.

b) Peringkat Organisasi


Peringkat	Definisi
Kelab/Persatuan	Organisasi rasmi yang berdaftar di bawah universiti dan melibatkan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.
PEKA/Kolej Kediaman/PMLK	Organisasi pelajar yang beroperasi di bawah kolej kediaman atau program pembelajaran luar kampus.
MPP (Majlis Perwakilan Pelajar)	Badan pelajar tertinggi yang bertanggungjawab dalam mewakili suara pelajar di peringkat universiti.

c) Skala Prestasi

Prestasi	Definisi
Rendah	Tidak aktif dalam menjalankan tugas, hanya memegang jawatan tanpa sumbangan yang ketara.
Sederhana	Menjalankan tugas asas tetapi kurang menunjukkan inisiatif atau kepimpinan.
Baik	Menunjukkan komitmen tinggi, menyelesaikan tugas dengan baik, dan memberi impak positif.
Cemerlang	Pemimpin yang sangat aktif, memberi impak besar kepada organisasi, dan berjaya mengendalikan projek/inisiatif baru.

LAMPIRAN C

PROSES KERJA PERMOHONAN ADAB POINT



LAMPIRAN D

SENARAI PROGRAM BAGI PERMOHONAN ADAB POINT



BOLEH MEMOHON ADAB POINT



TIDAK BOLEH MEMOHON ADAB POINT

<p>Asas - Aktiviti yang membina jati diri, kepimpinan, sahsiah, nilai ADAB, jaringan industri & komuniti, serta keterlibatan bermakna pelajar</p>	<p>Asas - Aktiviti wajib akademik, keperluan program, taklimat wajib, atau aktiviti rutin yang tiada nilai pembangunan pelajar</p>
<p>SENARAI AKTIVITI</p> <p>A. Kepimpinan, Pengurusan dan Pembangunan Diri</p> <ol style="list-style-type: none"> Seminar / bengkel kepimpinan Kursus pengurusan organisasi pelajar Latihan fasilitator / <i>train-of-trainers</i> (TOT) <i>Retreat</i> kepimpinan / program pembinaan pasukan kerja Mesyuarat peringkat tinggi (JPK, MPP, Majlis Tertinggi kelab) Program pembangunan sendiri / kompetensi (komunikasi, kepimpinan, pengurusan masa) Penganjuran program berimpak (karnival, forum, siri ceramah besar) Penyertaan dalam pertandingan kepimpinan (debat, panel forum) <p>B. Ilmiah & Wacana Pemikiran</p> <ol style="list-style-type: none"> Seminar, persidangan, kolokium, wacana ilmiah Bicara akademik bersama tokoh industri / akademik Pembentangan hasil penyelidikan pelajar (<i>non-credit</i>) Sesi perkongsian alumni akademik / industri Program literasi data, AI, teknologi (<i>non-credit</i>) <p>C. Kesukarelawanan & Komuniti (CSR)</p> <ol style="list-style-type: none"> Program CSR (komuniti bandar / luar bandar) Misi kemanusiaan (dalam & luar negara) Program kebajikan pelajar (food bank, bantuan asnaf) Program keselamatan & kesihatan komuniti Projek hijau / kelestarian (gotong royong, 3R, eco-campus) 	<p>SENARAI AKTIVITI</p> <p>A. Aktiviti Akademik Wajib / Kurikulum</p> <ol style="list-style-type: none"> MINDS @ Fakulti (program wajib pelajar baharu) Taklimat Latihan Industri Taklimat Projek Tahun Akhir (FYP) SULAM – keperluan akademik (kursus tertentu) Lawatan industri berkaitan subjek / kursus Latihan makmal, bengkel wajib kursus Kelas tambahan / bengkel yang diberi pensyarah sebagai tugasan <p>B. Pengurusan Akademik Individu</p> <ol style="list-style-type: none"> Perjumpaan Dekan Perjumpaan Penasihat Akademik Sesi kaunseling akademik wajib Sesi konsultasi tesis / FYP Viva / pembentangan akademik wajib <p>C. Operasi Universiti & Urusan Pentadbiran</p> <ol style="list-style-type: none"> Pendaftaran kursus / subjek Sesi keselamatan makmal wajib Taklimat pendaftaran kolej kediaman Ujian, kuiz, peperiksaan Mesyuarat akademik / pentadbiran yang diwajibkan fakulti <p>D. Aktiviti Rutin Tanpa Impak Pembangunan</p> <ol style="list-style-type: none"> Program santai tanpa objektif pembangunan (BBQ, Jamuan Raya kecil, potluck) Mesyuarat dalaman kelab yang tiada elemen pembangunan Kehadiran biasa ke booth atau pameran tanpa aktiviti penglibatan Program tontonan biasa (<i>movie night</i>) tanpa refleksi atau modul pembelajaran Aktiviti bersifat komersial 100% (jualan direct selling, MLM)



BOLEH MEMOHON ADAB POINT



TIDAK BOLEH MEMOHON ADAB POINT

<p>Asas - Aktiviti yang membina jati diri, kepimpinan, sahsiah, nilai ADAB, jaringan industri & komuniti, serta keterlibatan bermakna pelajar</p>	<p>Asas - Aktiviti wajib akademik, keperluan program, taklimat wajib, atau aktiviti rutin yang tiada nilai pembangunan pelajar</p>
<p>D. Mobiliti, Jaringan & Pendedahan Antarabangsa</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mobiliti pelajar (<i>inbound / outbound</i>) 2. Pertukaran pelajar jangka pendek 3. Program <i>Global Classroom / Global Outreach (non-credit)</i> 4. <i>Virtual mobility</i> yang disahkan universiti 5. Lawatan penandaarasan (non-akademik) <p>E. Seni, Budaya, Sukan & Bakat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan seni (teater, muzik, tarian, puisi) 2. Pertandingan inovasi budaya / warisan 3. Kejohanan sukan (peringkat kampus / kebangsaan / antarabangsa) 4. Perkampungan seni & budaya 5. Persembahan rasmi universiti (dengan latihan formal) <p>F. Keusahawanan & Inovasi Pelajar</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program keusahawanan (<i>bootcamp, training</i>) 2. Jualan amal / booth keusahawanan 3. Pitching / hackathon / idea challenge 4. Projek inkubasi startup 5. Pertandingan inovasi (IID, IIDEX, myHackathon) <p>G. Majlis Rasmi Universiti / Penghargaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis Apresiasi Pelajar / Fakulti 2. Majlis Anugerah Dekan 3. Majlis penganugerahan kolej kediaman 4. Program pengiktirafan bakat / sukan / kepimpinan 5. Program kolaborasi rasmi dengan industri/agensi luar 	<p>E. Aktiviti Menggantikan Tanggungjawab Wajib</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program menggantikan kelas / subjek 2. Program sebagai syarat lulus kursus 3. Tugas yang dinilai pensyarah (tugasan kelas, projek wajib)